



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan pada Minggu Epidemiologi ke-21 (ME 21/2023) iaitu dari 21 Mei 2023 hingga 27 Mei 2023, sebanyak 5,801 kes COVID-19 telah dilaporkan. Peratusan kes COVID-19 yang dilaporkan pada ME 21/2023 menurun sebanyak 9.9 peratus, berbanding 6,439 kes yang dilaporkan pada ME 20/2023 (14 Mei 2023 hingga 20 Mei 2023).

Kadar kemasukan pesakit COVID-19 (termasuk pesakit yang disyaki COVID-19) ke fasiliti kesihatan awam menunjukkan penurunan dari 5.8 kepada 5.3 bagi setiap 100,000 penduduk pada ME 21/2023 berbanding ME 20/2023. Peratus pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan peratus pengisian katil bukan kritikal COVID-19 masing-masing menurun sebanyak 4 peratus pada ME 21/2023 berbanding ME 20/2023.

Pada ME 21/2023, sebanyak 113 varian baharu dilaporkan yang terdiri daripada 87 kes VOC dan 26 VOI dan kesemuanya adalah varian Omicron. Sehingga kini, jumlah kumulatif bagi kes XBB.1.16 (Arcturus) dan *sublineages* adalah sebanyak 50 kes yang kesemuanya adalah kes tempatan. Pecahan kes merangkumi 15 kes di Melaka, 11 kes di Selangor, tujuh (7) kes di WP Kuala Lumpur, enam (6) kes di Sarawak, empat (4) kes di Johor, masing-masing dua (2) kes di Perak dan Sabah, dan masing-masing satu (1) kes di Negeri Sembilan, Perlis, dan WP Putrajaya.

Berdasarkan data sehingga 27 Mei 2023, hanya 50 peratus (16,335,353) penduduk Malaysia telah menerima dos penggalak pertama dan 2.5 peratus (823,317) sahaja telah menerima dos penggalak kedua. Risiko kemasukan ke hospital dan keterukan gejala boleh dikurangkan dengan pengambilan dos penggalak.

Sehingga kini, keadaan jangkitan COVID-19 di Malaysia masih terkawal dan perkhidmatan kesihatan di hospital tidak terjejas. KKM juga ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa mematuhi SOP yang berkuatkuasa seperti memakai pelitup muka semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi dan lain-lain serta pemaikaian pelitup muka di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, pusat hemodialisis dan yang setara dengannya. Pemakaian pelitup muka juga sangat digalakkan terutamanya bagi yang bergejala atau apabila berada di tempat tertutup, sempit dan sesak bagi melindungi keluarga, jiran dan sahabat handai daripada mendapat jangkitan COVID-19.

SITUASI TERKINI CUACA PANAS DI MALAYSIA

Berdasarkan **pemantauan status cuaca panas** oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 28 Mei 2023, hanya daerah Bentong, Pahang dilaporkan berada di Tahap Amaran 1 (Berjaga-jaga). Manakala pada tarikh yang sama, tiada kawasan dilaporkan berada di Tahap Amaran 2 (Gelombang Haba).

Jumlah kes kumulatif **penyakit berkaitan cuaca panas** dari ME 16/2023 sehingga ME 21/2023 adalah sebanyak 34 kes. Dari jumlah ini, pecahan kes mengikut diagnosis adalah 20 kes kelesuan haba, sembilan (9) kes kejang haba, dan lima (5) kes strok haba.

Berikut adalah pecahan bilangan kes keseluruhan mengikut ME:

Minggu Epidemiologi (ME)	16	17	18	19	20	21
Bilangan Kes Mengikut ME	1	6	4	4	13	6

Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas **mengikut negeri** adalah 10 kes di Kelantan, tujuh (7) kes di Sarawak, tujuh (7) kes di Sabah, dua (2) kes di Kedah, empat (4) kes di Melaka dan masing-masing satu (1) di Pahang, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Perak. Manakala, pecahan kes **mengikut umur** adalah 21 kes dewasa, lapan (8) kes remaja, tiga (3) kes kanak-kanak, dan dua (2) kes warga emas.

Tiada kes kematian baru akibat strok haba dilaporkan pada ME 21/2023. Ini menjadikan bilangan kumulatif kes kematian akibat strok haba kekal sebanyak satu (1) kes sahaja iaitu yang dilaporkan pada 25 April 2023. Semua kes lain adalah stabil dan telah discaj.

KKM menasihatkan orang ramai agar menghadkan tempoh berada di kawasan panas terik dan mengurangkan aktiviti fizikal lasak semasa cuaca panas. Orang ramai juga digalakkan untuk kerap minum air bagi memastikan hidrasi badan mencukupi. Sekiranya mengalami gejala penyakit berkaitan cuaca panas, dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan berdekatan.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
7 JUN 2023